

# Seminar

## Warisan

### Nusantara

4m 30.11.2011 3j

KOTA KINABALU 29

Nov. - Sekolah Pengajian Seni Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Sabah akan mengadakan Seminar Warisan Nusantara pada 9 hingga 11 Disember ini.

Pegawai Urus Setia Promosinya, Mohd. Suhaimi Md. Yasin berkata, seminar itu bakal menghimpunkan para cendekiawan yang melakukan penyelidikan dalam bidang warisan nusantara dan pembentang jemputan luar negara.

"Ia meliputi aspek sejarah, pembangunan dan cabaran dalam seni budaya seperti seni sastera, persembahan, perfileman, visual, bina, adat dan ritual tradisi pelbagai etnik yang terdapat di dunia Melayu, meliputi Semenanjung, Kepulauan Borneo (Sabah, Sarawak, Kalimantan dan Brunei), Filipina, Indonesia, Thailand dan Singapura," katanya di sini, baru-baru ini.

Mohd. Suhaimi berkata, orang ramai yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut mengenai seminar itu boleh menghubungi urus setia Seminar Warisan Nusantara di [warisanseni@gmail.com](mailto:warisanseni@gmail.com) atau di talian 019-6675628 (Norhayati Ayob).